



**JABATAN PERIKANAN MALAYSIA**  
**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**  
*Department of Fisheries Malaysia*  
*Ministry of Agriculture and Food Security*  
**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**  
**ARAS 6, BLOK 4G2, WISMA TANI**  
**NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4**  
**62628 PUTRAJAYA**  
**MALAYSIA**

03-8870 4426  
[ukk@dof.gov.my](mailto:ukk@dof.gov.my)  
<http://www.dof.gov.my>

No. Ruj.: DOF.UKK.100-9/1/1 (18)

## SIARAN MEDIA

### KELANTAN TERUS JADI TUMPUAN KONSERVASI LAUT — PELABURAN RM6.26 JUTA SEJAK 2007

**KELANTAN, 6 Julai 2025** – Jabatan Perikanan Malaysia terus memperkukuh usaha pemuliharaan sumber marin menerusi pelaksanaan Program Melabuh Tukun Tiruan (Konservasi) Negeri Kelantan 2025 yang berlangsung pada 6 Julai 2025 di perairan Pasir Puteh dan Bachok.

Bagi tahun ini, sebanyak 12 unit Tukun Dasar Lembut Penghalang Pukat Tunda (TDL-PT) telah dilabuhkan. Setiap tukun seberat 15 tan metrik dengan ukuran 2.6 meter tinggi dan 2.5 meter lebar serta panjang, dibina menggunakan konkrit bertetulang mengikut spesifikasi teknikal yang mematuhi garis panduan Guidelines for the Placement of Artificial Reefs oleh United Nations Environment Programme (UNEP).

Sebanyak RM1.68 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan program tukun tiruan di Kelantan pada tahun 2025. Peruntukan ini merangkumi pelabuhan tukun di Tok Bali (RM200,000), Sungai Gali (RM200,000) serta melalui inisiatif khas Ecological Fiscal Transfer (EFT) berjumlah RM1.28 juta yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan.

Sejak tahun 2007, sebanyak 312 unit tukun tiruan pelbagai jenis telah dilabuhkan di perairan Kelantan meliputi daerah Tumpat, Kota Bharu, Bachok dan Pasir Puteh, dengan jumlah peruntukan keseluruhan mencecah RM6.26 juta. Antara jenis tukun yang digunakan termasuk Tukun Dasar Lembut (TDL), Tukun Dasar Lembut Penghalang Pukat Tunda (TDL-PT), Tukun Rekreasi (TR) dan Tukun Keluli.


Menurut Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) Jabatan Perikanan Malaysia, YBhg. Dato Azahari bin Othman, pelaksanaan tukun tiruan merupakan strategi utama pemuliharaan marin yang memberi impak langsung kepada kesejahteraan komuniti nelayan dan ekosistem laut.

Program tukun tiruan bukan sahaja meningkatkan hasil perikanan tempatan, malah melindungi habitat marin daripada ancaman aktiviti penangkapan haram dan perubahan iklim. Ia adalah pelaburan strategik jangka panjang demi menjamin sekuriti makanan negara dan kelestarian sumber laut, katanya.

Tambah beliau, inisiatif ini juga selaras dengan komitmen negara terhadap Matlamat Pembangunan Mampan (SDG 14: Life Below Water), khususnya dalam usaha memulihara dan menggunakan secara lestari sumber lautan dan ekosistem marin.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO.: QMS 03900



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO.: QMS 03900



ACB QMS 01



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO.: QMS 03900



PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI  
PRODUCTIVE FISHERIES TOWARDS TRANSFORMATION

**myDOF**  
Peneraju Perikanan

Program tukun ini turut menyokong pembangunan agro-pelancongan, aktiviti penyelidikan saintifik serta menjadi pemangkin kepada ekonomi komuniti pesisir pantai.

Jabatan Perikanan Malaysia komited untuk meneruskan program konservasi ini secara sistematik dan berfasa bagi memastikan sumber perikanan negara kekal mampan serta menyumbang kepada kesejahteraan rakyat dan pemeliharaan biodiversiti marin negara.

Pautan gambar :

<https://drive.google.com/drive/u/0/folders/1xLdHjbHk0VUf7-4Or-uSLuw3gMNletda>

**-TAMAT-**

Dikeluarkan oleh:

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : [ukk@dof.gov.my](mailto:ukk@dof.gov.my)